

MOHAMED RIDZA MOHAMED ABDULLA BERSARA DARIPADA KUMPULAN BIMB

KUALA LUMPUR, Khamis, [1 Disember 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB atau Kumpulan) ingin mengumumkan persaraan Mohamed Ridza Mohamed Abdulla daripada barisan Lembaga Pengarah selepas berkhidmat selama 12 tahun, berkuat kuasa hari ini. Pada masa sama, beliau turut sama mengundur diri daripada jawatan Pengerusi dalam anak syarikat Kumpulan, BIMB Investment Sdn Bhd (BIMB Investment).

Mohamed Ridza telah menyertai Bank Islam sebagai Pengarah pada 1 Disember 2010 sebelum menyertai BIMB Investment sebagai Pengerusi pada 1 Oktober 2019. Sepanjang perkhidmatannya dengan Kumpulan, Mohamed Ridza telah memainkan peranan dalam pelbagai kapasiti dalam Lembaga Pengarah termasuk sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengarah Teknologi Maklumat; Ahli Jawatankuasa Pengarah Audit dan Peperiksaan, serta Ahli Jawatankuasa Strategik dan Kelestarian.

Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar, Pengerusi BIMB berkata, "Lembaga Pengarah, Pengurusan dan warga kerja BIMB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mohamed Ridza atas komitmen dan sumbangan beliau sepanjang tempoh perkhidmatan. Khidmat bakti yang diberikan selama lebih 12 tahun telah membantu Kumpulan berkembang dengan lebih kukuh. Kami mengucapkan selamat maju jaya dalam apa jua yang beliau ceburi selepas ini."

"Sepanjang tempoh beliau menjadi Pengerusi BIMB Investment, syarikat tersebut terus dikenali dalam bidang Syariah dan Pelaburan ESG, serta paling penting, beliau berjaya memastikan pulangan yang konsisten, kukuh dan memberangsangkan," tambah Tan Sri Dr. Ismail.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pemrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di:
MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my